

15/04/1998

Kredit industri lain mungkin ditingkat

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan mungkin meningkatkan kemudahan kredit bagi industri lain selepas langkah yang sama terhadap sektor automobil dan hartanah mula menunjukkan kesan positif.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masalah ekonomi negara bukan satu fenomena yang berlaku dengan sendiri, sebaliknya ia berkaitan dengan corak pengurusan.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, apabila kerajaan meningkatkan kemudahan kredit bagi pembelian kereta, penjualannya naik secara mendadak.

"Penjualan Proton meningkat 62.3 peratus seperti dilaporkan hari ini berbanding bulan lalu. Alasannya mudah, kemudahan pinjaman ada, orang boleh membeli kereta.

"Hari ini, jika tiada kredit dalam sistem perbankan, tiada kereta. Jika kredit sukar, ekonomi akan menjadi lembap," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar dan Pameran Realiti Maya di sini, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, tindakan rakyat negara ini membawa kembali simpanan mereka dari bank asing termasuk di Singapura ke bank tempatan turut membantu mengurangkan tekanan ekonomi.

Katanya, kos mata wang negara menjadi lebih tinggi kerana ada rakyat Malaysia memindahkan wang mereka ke bank asing. Justeru, bank Malaysia terpaksa meminjam daripada bank asing menyebabkan kos mata wang meningkat.

"Jika rakyat Malaysia menyimpan wang di bank tempatan, kita tidak perlu untuk meminjam di bank asing.

"Sebab itu kita merayu rakyat Malaysia untuk tidak memindahkan wang ke bank asing kerana ia akan meningkatkan kos mata wang sekali gus menjejaskan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri juga tidak mengangap kadar faedah di negara ini, yang kini berada pada tahap 11 hingga 12 peratus terlalu tinggi.

Mengenai kemungkinan usaha mewujudkan peraturan bagi mengawal perdagangan mata wang dilaksanakan, Dr Mahathir berkata, semuanya bergantung kepada kerajaan negara maju.

Katanya, jika mereka sanggup mengambil tindakan, peraturan itu boleh dilaksanakan.

Beliau menerima laporan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bahawa perdagangan mata wang itu begitu besar sekali dan bukan hanya dijalankan oleh dana lindung nilai, malah bank.

"Jumlah yang digunakan dana lindung nilai dalam perdagangan mata wang ialah sebanyak AS\$180 bilion dan bank pula sebanyak AS\$23 trilion.

"Jika dana yang begitu besar diguna untuk perdagangan mata wang, maka sukar bagi kerajaan seperti Malaysia mempertahankan diri kerana kita mempunyai rizab AS\$20 bilion (RM57 bilion) saja.

"Mereka mengaku perlu ada peraturan tetapi sedang memikirkan caranya," katanya.

(END)